

BERITA HARIAN

DATE: 7/10/2007

Dr Mahathir berjalan 20m

KUALA LUMPUR: Keadaan kesihatan Tun Dr Mahathir Mohamad terus menunjukkan perkembangan positif apabila sudah mampu berjalan kira-kira 20 meter di sekitar biliknya selepas menjalani dua pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN).

Anaknya, Datin Paduka Marina dalam laman blognya berkata, perkembangan terbaru sungguh menakjubkan.

Beliau yang melawat bapanya semalam, berkata bapanya sedang tidur nyenyak selepas menikmati hidangan tengah hari lauk ketam.

"Adik saya memberitahu, sebelum bapa tidur, mereka menunjukkan gambar kedai roti miliknya di Langkawi, The Loaf, namun video ucapan selamat sembuh untuk Tok Det daripada cucunya yang diambil daripada telefon bimbit adik saya lebih mencerikannya," katanya.

Dr Mahathir menjalani pembedahan selama tiga jam 23 September lalu selepas 19 hari menjalani pembedahan pintasan jantung pada 4 September lalu.